



Mohd Uzir (empat dari kanan) bersama pemenang Pertandingan Debat Statistik Antara Institusi Pengajian Tinggi di Perpustakaan Perbadanan Awam Selangor (PPAS) Sungai Besar, semalam. (Foto BERNAMA)

# DOSM keluar 1,180 penerbitan khidmat statistik sehingga Oktober

**Data dikeluarkan adalah ‘emas’ baharu untuk kepentingan Malaysia**

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Sungai Besar:** Sebanyak 1,180 penerbitan membabitkan perkhidmatan statistik dikeluaran sehingga bulan ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah itu membabitkan 172 penerbitan bulanan, diikuti suku tahunan (54) dan tahunan (954).

“Pelbagai laporan merangkumi statistik ekonomi, sosial dan alam sekitar dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dari jumlah itu, 24.5 peratus adalah penduduk berusia 14 tahun dan ke bawah, diikuti 69.1 peratus (usia 15 hingga 64 tahun) dan 6.4 peratus (usia 65 tahun dan ke atas).

“Penduduk yang bekerja di daerah ini 64,000 orang dan ka-

yang terbaik dari semasa ke semasa,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) “Yuk Mampir” di Stadium Sungai Besar, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, mewakili Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Mohd Uzir berkata, sambutan HSN julung kali diadakan di Selangor iaitu di daerah Sabak Bernam, sebelum itu di Muar, Johor dan Sungkai, Perak.

Pada masa sama katanya, 14 DOSM negeri juga mengadakan sambutan serentak di negeri masing-masing.

Berdasarkan statistik rasmi DOSM, Sabak Bernam mempunyai bilangan penduduk 109,100 orang dengan 52.1 peratus lelaki dan 47.8 wanita.

Daripada jumlah itu, 24.5 peratus adalah penduduk berusia 14 tahun dan ke bawah, diikuti 69.1 peratus (usia 15 hingga 64 tahun) dan 6.4 peratus (usia 65 tahun dan ke atas).

“Penduduk yang bekerja di

yang terbaik dari semasa ke semasa,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) “Yuk Mampir” di Stadium Sungai Besar, di sini, semalam.

Pelbagai laporan merangkumi statistik ekonomi, sosial dan alam sekitar dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). DOSM sentiasa berusaha untuk menyampaikan dan menyebarkan perkhidmatan statistik yang terbaik dari semasa ke semasa

**Mohd Uzir Mahidin,**  
Ketua Perangkawan Malaysia

dar penyertaan tenaga buruh adalah 71.2 peratus,” katanya.

Katanya, pelbagai program dan aktiviti dirancang selama tiga hari bermula hari ini bersama rakan strategik DOSM, iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Perbadanan Menteri Besar (MBI).

## Hargai data, statistik

Dalam pada itu, Kementerian Ekonomi menganggap data dan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM adalah ‘emas’ baharu untuk Malaysia.

Nor Azmie berkata, kedua-dua perkara itu sangat penting dan

ia diraikan menerusi HSN yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun.

“Sambutan ini satu manifestasi bahawa negara kita menghargai data dan statistik, selain perlu diuruskan dengan baik.

“Untuk itu, ‘emas’ yang kita ada ini dapat digunakan sebaiknya untuk kepentingan negara secara keseluruhannya,” kata-

nya pada sidang media selepas majlis perasmian sambutan HSN ‘Yuk Mampir’ di sini semalam.

Terdahulu, beliau yang mewakili Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam ucapan berkata, bagi merancang dasar dan polisi

keutamaan bekalan makanan negara, pihaknya akan menggunakan data dan statistik pertanian.

Beliau berkata, walaupun Malaysia mempunyai tanah yang subur untuk pertanian, tetapi kos perbelanjaan import negara bagi makanan mencecah sehingga RM40 bilion.

“Pengumpulan data ini penting dalam memberikan maklumat dan gambaran terbaik berkenaan keadaan terkini bidang pertanian,” katanya.

Justeru, Nor Azmie meminta semua pihak di peringkat negeri memberi kerjasama kepada DOSM yang akan melaksanakan Bancian Pertanian 2024 (BP 2024) pada tahun depan.

“Dari segi progress, semua negeri sudah terbabit di dalam usaha untuk BP 2024 nanti dan kita tidak akan tinggalkan mana-mana negeri.

“Untuk responden pula, kita turut akan usahakan sebanyak mungkin bagi membolehkan data yang dikumpul berdasarkan atau bertepatan dengan pertanian di negara kita. Fokus dalam BP 2024 adalah membabitkan semua sektor,” katanya.